



SKIM PENGIKTIRAFAN AMALAN TERBAIK SIRIM: *LEAN MANAGEMENT*

Mengiktiraf Organisasi Malaysia dengan Amalan Ter- baik (Program Pembiayaan Geran SIRIM-Fraunhofer)

PENGENALAN SKIM

Skim pengiktirafan SIRIM dianjurkan oleh SIRIM STS dan ia bertujuan untuk mengiktiraf organisasi Malaysia dengan amalan-amalan terbaik dalam bidang tertentu. *Lean Management* adalah salah satu bidang tumpuan yang diberikan pengiktirafan. Pengiktirafan diberikan kepada organisasi yang mempunyai rekod pencapaian dalam menterjemahkan strategi kepada tindakan dan sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi. Skim Pengiktirafan *Lean Management* ini ditawarkan kepada organisasi dari semua sektor.

Organisasi yang mengikuti skim ini akan dinilai dari sudut amalan terbaik mereka berdasarkan Standard SIRIM (SIRIM 12:2017 – *Lean management - Part 1: Requirements for key activities*). Pasukan penilai yang terlatih dan profesional dengan latarbelakang, kepakaran dan pengalaman yang luas akan membuat penilaian terhadap amalan *Lean Management*, mengkaji dokumen dan rekod dan menganalisis prestasi organisasi hasil dari amalan yang dilaksanakan. Laporan interim hasil daripada keputusan penilaian tersebut kemudian dikemukakan kepada pihak pengurusan organisasi.

Keputusan untuk memberikan pengiktirafan kepada organisasi adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Pengesyoran Sijil Amalan Terbaik SIRIM. Organisasi perlu menunjukkan pencapaian prestasi dan memperolehi skor minimum yang ditetapkan. Organisasi yang memperolehi skor minimum ke atas akan dianugerahkan Sijil Pengiktirafan semasa Majlis Malam SIRIM dan Industri yang berprestij.

PENGENALAN LEAN MANAGEMENT

Pendekatan untuk mengurus sebuah organisasi yang menyokong konsep lean. Ini termasuk penambahbaikan yang berterusan, pendekatan kerja yang sistematik jangka panjang yang bertujuan untuk mencapai perubahan kecil yang berkesan dalam proses-proses, untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti.

Lean bermaksud mewujudkan nilai yang tinggi untuk pelanggan-pelanggan dengan sumber-sumber yang sedikit. Organisasi yang mengamalkan lean memahami nilai ke atas pelanggan dan akan lebih fokus kepada proses-proses yang penting dan menambahbaik secara berterusan. Matlamat utama adalah untuk memberikan nilai terbaik kepada pelanggan melalui proses penciptaan nilai yang sempurna dengan pembaziran sifar dan kos yang efisien.

MENGAPA LEAN MANAGEMENT

Lean Management adalah satu cara yang lebih baik untuk berurusan dengan pertumbuhan ekonomi yang rendah, yang sedang kita hadapi atau akan kita hadapi di masa-masa akan datang. Penambahbaikan terhadap proses-proses yang perlu dalam sesebuah organisasi akan membuahkan hasil. Penambahbaikan juga perlu untuk menjaga kepentingan pemegang taruh sesebuah organisasi. Hasil *Lean Management* akan menjadi sedikit dan lambat jika pemimpin gagal untuk mengiktiraf *Lean* sebagai penyelesaian kepada masalah aliran maklumat, yang mana akan memberi kesan terhadap memperbaiki kesejahteraan anggota kerja dalam organisasi.

Untuk mebolehkan sesebuah organisasi meraih faedah daripada Lean, pemimpinnya perlu mengakui bahawa segala proses pekerjaan boleh diperbaiki, dan tiada siapa yang terkecuali daripada usaha penambahbaikan. Organisasi di mana setiap orang menambahbaik kesemua proses kerja mereka untuk menfaat bersama, merupakan salah satu organisasi yang berkembang dan akan terus maju dan berjaya untuk jangka panjang.

OBJEKTIF LEAN MANAGEMENT

- Mengurangkan penghasilan sisa di sebabkan pergerakan, pengeluaran berlebihan, pengangkutan, inventori, masa menunggu dan kecacatan
- Mengurangkan paras inventori
- Mengurangkan masa pengeluaran atau kitaran masa perkhidmatan
- Mengoptimumkan penggunaan buruh dan meningkatkan keupayaan

FAEDAH MENGAMALKAN LEAN MANAGEMENT

- Peningkatan keuntungan
- Aliran tunai yang lebih kukuh
- Mengurangkan kos operasi
- Meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan dan Keselamatan
- Fleksibiliti perniagaan yang lebih baik
- Perkembangan bakat
- pengurangan bahaya alam sekitar
- Peningkatan kepuasan pelanggan

PROGRAM SKIM PENGIKTIRAFAN LEAN MANAGEMENT

Program ini menyediakan perkhidmatan perundingan kepada PKS yang terlibat dalam membangun dan mendokumen, melaksana dan menyelenggara sistem *Lean Management*. Menjelang berakhirnya program, PKS akan dinilai dari sudut pelaksanaan dan kejayaan *Lean Management* yang dibangunkan. Tindakan susulan akan dijalankan mengikut kesesuaian.

METODOLOGI

Program ini akan dilaksanakan melalui kaedah berikut:

- Analisis jurang bagi menilai perbezaan pelaksanaan/ amalan semasa dengan keperluan program-program untuk membangunkan sistem untuk Sijil/Pengiktirafan, juga untuk mengetahui kesediaan PKS menerima tugas-tugas yang diberikan bagi mengelakkan penarikan diri semasa projek berjalan.
- Perkhidmatan perundingan dengan kakitangan terbabit yang terlibat dalam proses-proses dan untuk pembangunan program *Lean Management*. Ini termasuk pra-penilaian untuk memastikan kesediaan dan pelaksanaan sistem sebelum penilaian sebenar.
- Latihan/penerangan mengenai keperluan berkaitan Lean Management berdasarkan Standard SIRIM 12: 2017, serta bengkel pelaksanaan *Lean Management*.
- Perbincangan dengan pihak pengurusan mengenai isu-isu yang timbul sepanjang perkhidmatan perundingan.

JANGKAAN HASIL

Hasil yang dijangkakan dari program ini adalah:

1. 5 hingga 10% peningkatan produktiviti
2. 5 hingga 10% pengurangan pembaziran
3. 5 hingga 10% pengurangan inventori
4. Mengekalkan dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan pada 80%

GERAN SIRIM-FRAUNHOFER

Tujuan

Untuk meningkatkan produktiviti PKS dengan menembusi dan meningkatkan teknologi dalam sektor perkilangan menggunakan pendekatan Jerman bagi meningkatkan produktiviti PKS melalui inovasi teknologi.

Bantuan Kerajaan

Pemberian geran kepada PKS dengan prinsip 80:20; di mana 80% daripada nilai projek dibiayai kerajaan dan 20% adalah komitmen PKS terlibat.

KELAYAKAN UNTUK PROGRAM

- Kategori PKS.
 1. Syarikat-syarikat dengan jumlah jualan yang tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang.
 2. PKS mestilah entiti-entiti yang berdaftar dengan SSM atau lain-lain badan yang setaraf.
- Syarikat milik Malaysia
- Sektor pengilangan
- Beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun
- Sukarela - bersedia untuk diaudit, komited dalam program-program susulan sanggup melakukan pelaburan kewangan 20% daripada nilai projek



PROGRAM	KOS PROJEK RM	KOMITMEN PKS (20%) RM
<i>Lean Management</i>	37,500	7,500